

# Diiktiraf dek semangat ingin sentiasa membantu

Mahasiswa SMU terima Anugerah Inspirasi Deloitte



**RASA BERTANGGUNGJAWAB:** Encik Siddiq Poh aktif dalam pelbagai kegiatan sukarela dan mahu melakukan sesuatu kepada masyarakat khususnya kepada golongan belia kurang berkemampuan. - Foto TUKIMAN WARJI

18 Oct 2014

ZAINAL JAMARI

SEMASA menjalani Perkhidmatan Negara (NS) sebagai anggota polis, Encik Siddiq Poh Shahabidin Poh, pernah menjadi orang tengah menyelesaikan pergaduhan antara suami isteri.

Encik Siddiq, kini 23 tahun, juga pernah menangkap pencuri motosikal.

Beliau yang kini menuntut di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) tahun ketiga dalam jurusan perakaunan, merupakan salah seorang penerima Anugerah Inspirasi Deloitte yang kali pertama dikeluarkan tahun ini.

Semasa ditemui baru-baru ini, Encik Siddiq berkata beliau berasa bertanggungjawab melakukan sesuatu kepada masyarakat, terutama mereka yang datang daripada keluarga kurang berkemampuan.

"Semasa menjalani NS, saya meraih pelbagai pengalaman menarik semasa berhubungan dengan orang ramai daripada pelbagai latar belakang.

"Saya rasa saya dianugerahi dengan kemahiran berhubungan dengan mereka yang sebaya atau lebih muda daripada saya.

"Saya rasa saya boleh membantu mereka, terutama mengenai kebijaksanaan pengurusan wang," kata Encik Siddiq.

Sasaran utama Encik Siddiq ialah kanak-kanak yang membesar tanpa bimbingan orang dewasa.

"Saya rasa kanak-kanak seperti ini boleh berinteraksi secara terbuka dan terus terang dengan orang seperti saya kerana perbezaan umur kami tidak jauh. Saya juga akan melayan mereka seperti kawan," tambahnya.

Selepas tamat NS, Encik Siddiq tidak membuang masa dan terus menawarkan khidmatnya sebagai sukarela di Singapore Boys' Hostel yang terletak di McNair Road.

Beliau memberi tuisyen dan juga menjadi jurulatih skuad bola sepak hostel tersebut.

Hasrat besar Encik Siddiq untuk membantu para belia mungkin boleh difahami kerana beliau pernah melihat keadaan hidup yang sukar di Kemboja.

Anak kedua kepada pegawai Agensi Sekitaran Nasional (NEA) dan suri rumah itu telah menghabiskan 10 hari di satu kawasan berdekatan pusat sampah sarap dan dapat merasakan sendiri kesusahan yang dilalui para penghuni di situ.

Daripada situ, tercetus idea membuka sebuah rumah anak-anak yatimnya sendiri di sini.

"Tetapi itu hanyalah satu matlamat jangka panjang," jelas Encik Siddiq.

Buat masa terdekat, Encik Siddiq mahu mendampingi budak-budak yang suka melepak dan menghabiskan masa dengan sia-sia untuk memberi mereka motivasi dan dorongan.

Beliau kini Presiden CitiSMU Financial Literary Club yang bekerjasama dengan Angkatan Karyawan Islam (AMP) untuk menganjurkan bengkel celik wang bagi para belia.

Selain itu, sebagai naib presiden skuad bola sepak SMU, beliau berganding bahu dengan CDC Pusat untuk mengadakan latihan bola bagi belia di kawasan Tiong Bahru.

Tidak menghairankan, dengan semangat gigih membantu yang dimilikinya, Encik Siddiq dianugerahkan Anugerah Inspirasi Deloitte yang pertama yang antara lain menghadihkan wang tunai \$500 dan peluang belajar sambil bekerja (internship) dengan Deloitte.

Anugerah Inspirasi Deloitte diberikan kepada para pelajar bidang perakaunan di SMU dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Sehingga 10 anugerah akan diberikan setiap tahun.

Antara kriteria pemilihan ialah tahap pencapaian, tahap sumbangan kepada pelbagai bidang seperti sukan, seni dan/atau kerja-kerja kemasyarakatan dan penampilan sifat kepimpinan.